



---

SIARAN BERITA

## KERJASAMA PEMATUHAN ANTARA MyCC DAN PERSEKUTUAN PEKILANG-PEKILANG MALAYSIA (FMM)

**KUALA LUMPUR, 25<sup>th</sup> November 2014** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) telah bersama-sama menganjurkan taklimat dan pelancaran pematuhan undang-undang persaingan dan senarai semak hari ini.

Taklimat bertajuk "*Better Business With Competition Compliance*", telah dihadiri oleh 120 anggota FMM, disusuli dengan pelancaran Senarai Semak Pematuhan. MyCC juga telah memperkenalkan semula buku Garis Panduan Pematuhan yang julung kalinya dilancarkan semasa Persidangan Undang-Undang Persaingan Pertama negara tahun lepas.

Ketika berucap pada taklimat dan pelancaran, Pengerusi MyCC Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob menggesa pemilik perniagaan agar mematuhi undang-undang persaingan dengan serius di semua peringkat dan membuat satu perubahan budaya bagi menyokong perkara ini.

"Perniagaan harus ingat bahawa tiada program pematuhan undang-undang persaingan yang 'satu saiz muat semua'," tambah Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob. "Jangan mengambil ringan menerima atau memetik program pematuhan contohnya dari sumber internet yang mungkin tidak sesuai untuk anda menangani risiko perniagaan anda. Setiap perniagaan mesti menilai risiko-risiko pematuhannya sendiri dan menentukan langkah yang perlu diambil supaya mematuhi undang-undang."

Pengerusi MyCC juga menyatakan bahawa selain mengelakkan kerosakan kepada reputasi, dengan adanya program pematuhan yang berkesan akan dapat membantu sesebuah perusahaan mengelak daripada terpaksa membayar kos bagi siasatan atau tindakan-tindakan persendirian disamping berkemungkinan mendapatkan penurunan bagi penalti dan meningkatkan tadbir urus korporat ("*corporate governance*") maka menaikkan imej dan daya maju perusahaan tersebut.

**UNTUK TERBITAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI**



Menurut Presiden FMM, Dato' Saw Choo Boon, "Akta Persaingan 2010 bertujuan untuk menggalakkan persaingan pasaran dan memastikan bahawa perusahaan bersaing secara bebas dan adil. Persaingan memaksa perusahaan untuk menjadi lebih cekap dan inovatif, dan menjadi responsif kepada permintaan pengguna dengan menawarkan produk-produk dan perkhidmatan dengan kualiti yang lebih baik, serta pilihan yang lebih banyak pada harga kompetitif. Oleh itu, pematuhan terhadap Akta ini adalah amat penting."

Tambahnya lagi, "FMM amat berbesar hati untuk bekerjasama dengan pihak MyCC bagi menyediakan satu senarai semakan yang meringkaskan buku Garis Panduan Pematuhan MyCC ke dalam satu senarai semakan dengan ulasan cadangan dan tindakan yang patut diambil. Senarai semakan ini bukan sahaja berguna untuk pembangunan program pematuhan persaingan tetapi juga untuk kajian semula program sedia ada bagi memastikan ianya teguh. Kami berharap agar dengan senarai semakan ini, lebih banyak syarikat akan terdorong untuk membina satu budaya pematuhan kepada Akta Persaingan yang kuat."

FMM juga merupakan ahli jawatankuasa bagi advokasi di MyCC, yang diketuai oleh Ahli Suruhanjaya MyCC, Prof. Dato' Dr. Sothi Rachagan. Beliau turut hadir semasa program itu bersama Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj, dan mantan Presiden FMM, Tan Sri Datuk Yong Poh Kon. Sesi taklimat telah disampaikan oleh Dhaniah Ahmad, Ketua Unit Undang-undang MyCC.

Sesi taklimat ini merupakan salah satu daripada usaha-usaha advokasi MyCC dalam beberapa tahun kebelakangan ini dan ianya merupakan program advokasi yang ke-tiga puluh satu untuk tahun ini. Buku Garis Panduan Pematuhan MyCC yang diperkenalkan semula semasa program ini boleh didapati dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, dan boleh dimuat turun dengan percuma.

Semua penerbitan MyCC boleh dimuat turun secara percuma dari laman web MyCC, [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my). Pertanyaan mengenai seminar-seminar advokasi boleh diajukan kepada [spiad@mycc.gov.my](mailto:spiad@mycc.gov.my).

---tamat---

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: [rowena@mycc.gov.my](mailto:rowena@mycc.gov.my)

Anis Syafiqah, Tel +603 2273 2277 (ext 212), Email: [anis@mycc.gov.my](mailto:anis@mycc.gov.my)

Unit Komunikasi Korporat, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)



### **Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta Persaingan 2010 dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

### **About Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)**

The Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) is Malaysia's premier economic organisation. Since its establishment in 1968, the FMM has consistently led Malaysian manufacturers in spearheading the nation's growth and modernisation.

Today, as the largest private sector economic organisation in Malaysia representing over 2,500 manufacturing and industrial service companies of varying sizes, the FMM is the officially recognised and acknowledged voice of the industry.

For more information on the FMM, log on to <http://www.fmm.org.my>.